



05 JUN, 2026

AI tawar peluang pacu peralihan tenaga



Sinar Harian, Malaysia

AI tawar peluang pacu peralihan tenaga

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan bahawa walaupun pertumbuhan kecerdasan buatan (AI) menawarkan banyak peluang untuk memacu usaha peralihan tenaga, ia tidak boleh mengatasi aspirasi kelestarian negara.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, cabarannya terletak pada memastikan pertumbuhan AI tidak melebihi aspirasi kelestarian yang dijangka disokong oleh teknologi baharu itu.

Beliau turut menegaskan walaupun pelbagai negara menasarkankan pertumbuhan ekonomi berasaskan AI, penting untuk memastikan tenaga kekal terjamin, mampu milik kepada pengguna serta mampan yang perlu terus menjadi keutamaan.

"Bagaimanapun, AI mempunyai potensi untuk memperkukuh sistem tenaga, daripada meningkatkan kecekapan grid dan mengunjurkan penjanaan tenaga boleh baharu kepada mengoptimumkan penggunaan tenaga perindustrian," kata beliau dalam ucapatama pada hari kedua Persidangan Peralihan Tenaga 2026 (ETCon26) di sini pada Khamis.



Anwar (tengah) ketika melawat reruai di ETCon26, Kuala Lumpur pada Khamis.

Anwar berkata, perkembangan pesat AI dijangka memacu trajektori ini dengan pusat data dan infrastruktur pengkomputeran termaju memerlukan tahap penggunaan elektrik yang lebih tinggi.

"Dalam negara bersaing bina ekonomi digital dan memanfaatkan pertumbuhan dipacu AI, cabaran yang kita hadapi bukan sahaja untuk jana lebih banyak tenaga, malah untuk pastikan ia kekal terjamin, mampu milik dan mampan," kata beliau.

Justeru, Perdana Menteri memberi jaminan bahawa peralihan tenaga akan dilaksanakan secara inklusif, bekalan tenaga yang stabil dan mencukupi serta dipacu oleh AI demi kepentingan negara.

Beliau berkata, pengembangan infrastruktur digital, terutamanya pusat data mendorong kerajaan menilai semula unjuran tenaga negara bagi memastikan kapasiti yang mencukupi untuk menyokong pertumbuhan masa depan. - *Bernama*